

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada pagi tadi masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita bincangkan satu persatu saya sukacita menanggungkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Pada mesyuarat yang telah kita adakan pagi tadi, kita telah menyelesaikan Tajuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Sebelum kita menyambung semula Tajuk

seterusnya, saya telah difahamkan bahawa ada 2 orang Yang Berhormat Menteri yang suka untuk membuat kenyataan sebagai respons kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan pagi tadi. Sekarang saya persilakan dulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
 عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ
 وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ، أَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 dan salam sejahtera.

Izinkan kaola untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim pada sesi pagi tadi iaitu mengenai kedudukan MIB pada masa ini.

Sukacita kaola menjelaskan sedikit bahawa pada masa ini, seperti mana yang telah kaola terangkan secara ringkas bahawa pada masa ini Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dipengerusikan oleh kaola sendiri selaku Menteri Pendidikan dan dibantu oleh Timbalan Pengerusi iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Ahli-Ahlinya seramai 22 orang kesemuanya termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran

Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Md. Yussof, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Abd Aziz bin Juned dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd Nawawi bin Allahyarham Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha dan beberapa orang ahli yang lain termasuklah beberapa Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Naib Canselor Universiti dan sebagainya.

Maklumat mengenai dengan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja ini, selaku badan yang bertanggungjawab bagi menjelaskan, memandu, memberigakan dan mengukuhkan serta memantau corak kehidupan masyarakat Brunei dalam semua peringkat yang berlandaskan Melayu Islam Beraja. Jawatankuasa Majlis ini telah pun membuat rancangan strategik bagi menentukan dan memastikan matlamat dan objektif penubuhannya dapat dicapai selaras dengan terma rujukan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan terma rujukan Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Pada masa ini, Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja diketuai oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dan dibantu oleh 5 orang pegawai dan kakitangan. Sekretariat Majlis Melayu

Islam Beraja sehingga sekarang berpejabat di Universiti Brunei Darussalam.

الْحَمْدُ لِلَّهِ selaras dengan Pelan Tindakan Strategik pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja 2015/2020, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah pun merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti atau pun program bagi tahun 2016 dalam bentuk taklimat, ceramah, muzakarah serta bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta.

Pelan Tindakan Strategik Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja 2015/2020 menyasarkan 5 kelompok rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu pegawai dan kakitangan, penghulu, ketua kampung dan penduduk kampung, belia dan pelajar, pihak swasta dan masyarakat luar.

Dalam usaha menyebarkan Melayu Islam Beraja kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah mengusahakan penerbitan rencana mengenai Melayu Islam Beraja dalam Bahasa Melayu dan Inggeris 2 kali setiap bulan dalam surat khabar tempatan iaitu Pelita Brunei, Media Permata dan *Borneo Bulletin*.

Manakala dalam bentuk media elektronik, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja menyediakan program Rampai Pagi, bincang-bincang Melayu Islam Beraja

dua kali setiap bulan iaitu pada hari Khamis dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei (RTB).

Antara aktiviti program tahun 2016, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja yang telah dilaksanakan seperti yang berikut:

1. Muzakarah nilai-nilai kebruneian dalam konteks konsep Melayu Islam Beraja;
2. Bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja bagi Pegawai Perhubungan Awam jabatan-jabatan kerajaan;
3. Program Melayu Islam Beraja dan sistem pentadbiran negara bagi Program Khidmat Bakti Negara;
4. Taklimat Melayu Islam Beraja kepada masyarakat luar;
5. Penyelidikan penghayatan konsep Melayu Islam Beraja bagi Daerah Temburong;
6. Projek penyelidikan keberkesanan penghayatan pendidikan Melayu Islam Beraja di sekolah-sekolah menengah seluruh negara; dan
7. Penyediaan Teras Melayu Islam Beraja.

Manakala, aktiviti-aktiviti program Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja yang dicadangkan akan dilaksanakan pada tahun 2017/2018 ialah:

1. Persidangan Pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

2. Muzakarah nilai-nilai kebruneian dalam kontek dan konsep Melayu Islam Beraja;
3. Bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja bagi Pegawai Perhubungan Awam Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti yang telah lazim dibuat sebelumnya;
4. Program Melayu Islam Beraja dan sistem pentadbiran negara bagi Program Khidmat Bakti Negara;
5. Penyelidikan Penghayatan Melayu Islam Beraja bagi ke empat-empat daerah; dan
6. Penerbitan beberapa buah buku lagi dalam perancangan pada tahun 2017 ini.

Berdasarkan kepada pelaksanaan aktiviti program yang telah dilaksanakan selama ini, dapat diambil kesimpulan bahawa kefahaman dan pengamatan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah bertambah baik.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja tidak kendur-kendur untuk berusaha meningkatkan lagi pengamalan dan penghayatan rakyat dan penduduk

negara ini terhadap konsep Melayu Islam Beraja. Perkara ini kaola kongsi untuk membuktikan bahawa Melayu Islam Beraja masih subur dalam kalangan masyarakat kitani. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan penerangannya.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola hanya akan menambah tentang soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Walaupun soalan ini ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, ini banyak hubung kaitnya jua sama dengan abis kaola di Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Memang kerjasama yang erat antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. *Darussalam Enterprise* telah bergabung usaha untuk mengembangkan perdagangan dan memperkenalkan produk-produk tempatan. Perusahaan-perusahaan mikrokecil dan sederhana tempatan dan peniaga-peniaga Satu Produk Satu

Kampung boleh menyertai pameran perdagangan antarabangsa dan *trade mission* yang tertentu dengan menerima bantuan daripada pihak kerajaan melalui bajet misi perdagangan.

Pada Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah menyediakan bantuan peruntukkan bajet sebanyak B\$500,000.00 bagi penyertaan PMKS di ekspo *trade mission* antarabangsa. Bajet ini diperuntukan untuk menyediakan petak pameran, penyewaan peralatan dan penghantaran barang. Adakalanya, kerajaan juga menaja tempat penginapan dan tiket penerbangan PMKS dan juga Satu Produk Satu Kampung yang menyertai pameran perdagangan antarabangsa dan *trade mission*.

Pemilihan syarikat-syarikat yang layak menyertai berdasarkan kelayakan seperti bersedia untuk menerima permintaan yang berjumlah besar, produk yang berpotensi untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa dan layak diberi pendedahan mengenai pasaran antarabangsa. Setakat ini semenjak tahun 2016, kerajaan telah mengikuti 11 buah ekspo dan 1 *trade mission* yang melibatkan 71 buah PMKS.

Antara ekspo yang disertai telah diadakan di Sabah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Makassar, Singapura, Jepun, China, Oman dan Korea Selatan. Antara sektor yang diketengahkan adalah sektor makanan, kosmetik, *pharmaceutical* halal, *ICT*, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan dan pelancongan. Turut

dipamerkan termasuk produk-produk kosmestik yang berasaskan madu kelulut dan minyak kelapa dara seperti sabun, losyen dan minyak harum.

PMKS juga telah mempamerkan produk-produk buatan kampung dan halal buatan tempatan termasuk makanan kering dan basah seperti keropok, biskut, kacang jagus berempah, sos cili, makanan mentah dan sebagainya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ beberapa produk tempatan telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti di Indonesia, Singapura dan China. Semasa pameran-pameran perdagangan ini juga PMKS telah diberi peluang untuk menjalinkan dan mengembangkan rangkaian perniagaan mereka.

Pada tahun 2017/2018 pula, kerajaan akan terus menyertai ekspo di luar negeri dengan memberi tumpuan kepada sektor-sektor halal, *ICT*, pelancongan, perkhidmatan dan *down-stream*, minyak dan gas termasuklah Satu Kampung Satu Produk. Tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam untuk menjadi *country of owner* semasa ekspo *China Asean* yang ke-14 yang akan diadakan pada bulan September di Nanning Republik Rakyat China.

Kerajaan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ akan membawa 100 buah syarikat termasuk PMKS dan syarikat-syarikat Satu Kampung Satu Produk dengan harapan untuk memberi pendedahan kepada produk-produk tempatan yang berpotensi untuk dipasarkan di luar negeri.

Selain dari pernyataan ekspo antarabangsa dan ekspo tempatan juga akan diadakan mengenal pasti produk tempatan yang berpotensi untuk dipasarkan di luar negara. Ke arah ini satu ekspo PMKS akan diadakan pada bulan Mei 2017 nanti untuk memperkenalkan / mempromosikan barangan buatan Negara Brunei Darussalam. Ekspo ini juga akan disertai oleh PMKS dari Sabah, Sarawak, Vietnam dan China. Ekspo ini akan dibukakan kepada 200 buah syarikat tempatan yang berminat.

Tentang *One Village One Product* ini, kaola ingin juga memberi penerangan sedikit. Bagi meningkatkan pendedahan produk buatan tempatan khususnya produk-produk yang diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah inisiatif *One Village One Product*, pihak *DARe* telah memperkenalkan program *Made in Brunei*. بِسْمِ اللَّهِ meningkatkan penggunaan serta pembelian produk tempatan. Ada 3 program di bawah inisiatif ini seperti yang berikut:

1. Penjualan di pasar raya. *DARe* telah berunding dengan beberapa pasar raya ternama di negara ini untuk menempatkan rak jualan bagi *Made in Brunei*. Sebagai percubaan, bercadang untuk melancarkan rak jualan *Made in Brunei* di lima pasar raya bermula dari bulan April/Mei 2017. *DARe* juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi kreatif dalam membantu melatih perusahaan mikrokecil dan sederhana

berkenaan dengan penjenamaan, pembungkusan dan penandaan sebelum menempatkan produk mereka di rak *Made in Brunei*;

2. Penjualan melalui majalah *in flight*. *DARe* sedang berbincang dengan *Royal Brunei Airlines* untuk memaparkan produk buatan Brunei dalam majalah yang akan di tempatkan di kapal terbang. Pelancarannya juga akan disasarkan pada bulan April/Mei 2017. Produk yang akan dipaparkan termasuk produk warisan turun-temurun dan premium tempatan seperti kain jongsarat *by product*, kristal, barangan perak, minyak harum serta produk kesihatan dan kecantikan.

Selain itu, melalui wadah pembelian bagi penumpang kapal terbang juga dipraktikkan secara *online*. Untuk penjualan majalah melalui *in-flight* dan pameran di lokasi-lokasi utama. *DARe* berhasrat untuk membantu 50 produk tempatan pada tahun 2017; dan

3. Pameran di lokasi-lokasi utama di Negara Brunei Darussalam. Seperti mana yang dinyatakan tadi, *DARe* akan melancarkan *Made in Brunei* di lima lokasi utama seperti hotel, lapangan terbang pusat jualan bermula April/Mei 2017. Produk yang akan dipaparkan sama jua termasuk produk-produk yang kaola

nyatakan tadi dan jua *its available online*.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsi. Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk memperjelaskan 2 soalan yang belum kaola jawab pagi tadi;

1. Diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai pembinaan Bangunan Mahkamah Daerah Tutong; dan
2. Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, mengenai Pelan Bandar dan Desa, Mukim Labi.

Mula-mula, kaola akan menjawab mengenai Bangunan Mahkamah Daerah Tutong. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** bangunan mahkamah-mahkamah Daerah Tutong telah pun siap dan telah mula diguna pakai oleh kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah Daerah Tutong pada bulan November 2016 lepas.

Projek pembangunan bangunan mahkamah-mahkamah Daerah Tutong ini dilaksanakan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dan projek berkenaan telah dapat menyediakan 7 buah Dewan Perbicaraan dan 2 ruang pejabat bersama kaunter. Urusan yang

berasingan bagi kegunaan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Bagi kesempurnaan projek berkenaan terdapat beberapa tawaran di bawah *provisional contract sum* yang juga dalam rancangan pelaksanaan melalui RKN iaitu kerja-kerja mendirikan pagar kawasan bangunan, kerja-kerja pemasangan *court conference system*, kerja-kerja pemasangan peralatan kawalan keselamatan *CCTV* dan kerja-kerja pemasangan papan tanda *signage*. Dalam hubungan ini, segala perbelanjaan berkaitan dan pemeliharaannya dan penyelenggaraannya telah pun disediakan dalam Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Kedua Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Pelan Bandar dan Desa, Mukim Labi sebagai perekonomian ada pertanyaan tadi, apakah sebarang perancangan dan jenis perindustrian dikenal pasti? Kaola mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput atas soalan yang berhubung dengan Mukim Labi sebagai kawasan perekonomian di negara ini.

Untuk makluman, sebenarnya ada beberapa cadangan projek penyediaan tapak-tapak perekonomian di Daerah Belait bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-11. Cadangan-cadangan projek ini termasuklah program peningkatkan pengeluaran industri buah-buahan dan program pertumbuhan kawasan baharu untuk meningkatkan produktiviti industri pertanian sektor pelbagai tanaman dan rancangan pembangunan industri ternakan bagi menjana pengeluarannya.

Walau bagaimanapun, projek-projek ataupun program-program ini masih lagi dalam penelitian pihak-pihak yang berkenaan untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 dan ianya adalah tertakluk kepada *viability* projek-projek tersebut dan juga tertakluk juga kepada keutamaan-keutamaan kerajaan dalam menimbangkan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 nanti. Sekianlah yang dapat kaola kongsikan setakat ini, sekian dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih atas penerangan-penerangan lanjut yang telah diberikan oleh 3 orang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan berpindah ke tajuk seterusnya.

Yang Dimulikan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A – Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih untuk membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan, Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin untuk menyampaikan mukadimahnyanya mengenai dengan belanjawan kementerian yang berkenaan itu. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola memohon izin bagi menyampaikan secara ringkas mukadimah mengenai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan serta tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam usaha meningkatkan lagi tahap produktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan pihak swasta serta juga dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif. Ini secara langsung akan dapat mendukung pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan *sustainable* serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada belia tempatan. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah:

1. Mengurangkan kadar cukai pegangan (*holding tax*) sebagaimana yang telah kaola nyatakan dalam pembentangan kertas pada 7 Mac 2017. Bagi bayaran-bayaran seperti bayaran faedah pinjaman, *loan interest* diturunkan dari 15% kepada 2.5% sahaja dan bayaran khidmat pengurusan (*management fees*)

dikurangkan dari 15% kepada 10%;

2. Mengemaskinikan kadar cukai kastam, cukai import dan cukai eksais yang berkuat kuasa mulai 1 April 2017. Ini termasuk pengurangan cukai kastam ke atas mesin-mesin industri termasuk alat-alat ganti dan alat-alat ganti kenderaan berat dan jentera berat;
3. Pemasangan mesin pengimbas kenderaan di pos-pos kawalan bagi mempercepatkan pelepasan dan pemeriksaan barang tanpa mengeneipkan aspek keselamatan negara;
4. Meneruskan usaha mengintegrasikan sistem *electronic port* dan *commission system* dengan *Brunei Darussalam National Single Window* bagi memudahkan lagi proses deklarasi kastam. Setakat ini, 20 agensi kerajaan telah menggunakan *Brunei Darussalam National Single Window* sebagai platform memberikan kelulusan import permit;

Sebahagian agensi iaitu; *AITI* dan bahagian kawalan-kawalan kualiti makanan Kementerian Kesihatan telah mula menggunakan *module how to approve* dalam *Brunei*

- Darussalam National Single Window*;
5. Mengintegrasikan *Brunei Darussalam National Single Window* dengan sistem *e-Payment Gateway* bagi membolehkan pembayaran secara *online* mulai 1 April 2016;
 6. Bermula 1 Disember 2016, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah memulakan perkhidmatan secara 24 jam, 7 hari seminggu di Terminal Kontena Muara. Inisiatif ini dihasratkan akan dapat meningkatkan lagi efisiensi peningkatan import dan eksport di negara ini;
 7. Memperkenalkan *code of a tax for professional accountant* bermula 1 Januari 2017
 8. Memperkenalkan Brunei Darussalam *accounting standard* yang akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 tahun hadapan;
 9. Memperkenalkan perintah ketidaksolvanan 2016 bagi penstrukturan semula syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara; dan
 10. Menubuhkan *income tax board of review* bagi meneliti kes-kes bahan tafsiran tempatan dari syarikat-syarikat untuk mewujudkan pentadbiran cukai korporat yang lebih telus dan saksama di samping untuk meningkatkan usaha kutipan tunggakan.
- Selain itu, dalam usaha meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam serta untuk mengawal kos operasi inisiatif-inisiatif untuk *stream lining* struktur organisasi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya dilaksanakan yang antara lainnya yang melibatkan langkah-langkah yang berikut;
- i. Penyerapan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, Kementerian Kewangan ke Jabatan Perbendaharaan; dan juga;
 - ii. Pencatuman beberapa di Kementerian Kewangan dan perbendaharaan.
2. Pencantuman beberapa bahagian di Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.
 3. Menggabungkan Unit-Unit Audit Dalam di jabatan-jabatan

di bawah Kementerian Kewangan kepada satu Unit Audit Dalam sahaja dan seterusnya menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Dalam di peringkat kementerian bagi meningkatkan kapasiti dan keberkesanan fungsi audit dalam dan seterusnya mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia; dan

4. Menubuhkan *delivery unit* dengan peranan utamanya untuk memantau, mudah cara dan memastikan perancangan strategik Kementerian Kewangan dilaksanakan secara efisien dan berkesan. Dalam usaha untuk meningkatkan hasil, memperkenalkan sistem penyewaan *facilities (facilities rental system)* yang membolehkan orang ramai menyewa kemudahan sukan, riadah dan lain-lain di jabatan-jabatan kerajaan termasuk sekolah-sekolah. Sejak pengenalannya pada 1 September 2016, sebanyak 114 *facilities* telah dibukakan dengan jumlah kutipan hasil sehingga bulan Februari 2017 berjumlah sebanyak \$74,383.00.

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pembayaran, langkah-langkah pembaikan telah dilaksanakan seperti penambahbaikan dan penguatkuasaan penggunaan modul, kontrak dan *purchase order*. Mengadakan *email notification* dan penambahbaikan modul *housing loan* dalam *Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS)* serta mengadakan *SMS Notification* dan

menubuhkan *vendor clinic* di Jabatan Perbendaharaan. Sehingga 27 Februari 2017 sejumlah 922 dari 1,400 ataupun 66% aduan telah dapat diselesaikan yang melibatkan pembayaran sebanyak \$53.464 juta ataupun 93.47% dari jumlah \$57.199 juta yang tertunggak.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Tahun Kewangan 2017/2018, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan Gaji dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$752,757,245.00. Jumlah ini berkurangan sebanyak kira-kira \$272,023,675.00 dari peruntukan Tahun Kewangan 2016/2017.

Pengurangan ini antara lain mengambil kira penyediaan peruntukan sebanyak \$300 juta untuk Projek Jambatan Temburong di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan yang sebelumnya disediakan di bawah akaun Perkhidmatan Rampaian, Jabatan Kementerian Kewangan ianya dipindah kepada peruntukan Kemajuan Negara.

Pada Tahun Kewangan 2017/2018, Kementerian Kewangan akan terus memberi penekanan kepada perbelanjaan secara berhema, meningkatkan produktiviti negara bagi perkhidmatan di bawah Kementerian Kewangan, mempelbagaikan aktiviti dan asas ekonomi negara dengan memudahkan perniagaan, membina kapasiti dan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dan memelihara kesejahteraan awam, meliputi aspek kesejahteraan,

kebajikan dan keselamatan negara dan masyarakat. Selaras dengan keutamaan tersebut Perancangan dan Pelan Tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada melaksanakan usaha-usaha dan langkah-langkah seperti berikut:

1. Seajar dengan usaha reformasi pengurusan kewangan kerajaan (*public financial management reform*) mulai 1 April 2017 seperti yang telah diterangkan *ordinary expenditure* digabungkan dengan perbelanjaan RKN;
2. Meningkatkan kutipan dan memperluaskan asas sumber hasil pendapatan antaranya dengan melaksanakan seperti yang telah diterangkan tadi, memperluaskan lagi pelaksanaan *FRS* yang membolehkan orang ramai menyewa lebih banyak kemudahan sukan, dewan dan lain-lain secara *online*;
3. Meneruskan sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian untuk mendalami lagi kefahaman dan pendedahan mengenai Peraturan Kewangan bagi meningkatkan pengurusan kewangan masing-masing termasuk proses kutipan tunggakan dan sebagainya.

Proses tunggakan ini dalam 300 lebih tunggakan kepada pihak swasta ertinya pihak swasta berhutang kepada kerajaan 300 lebih, kebanyakannya \$260 juta bil elektrik dan ada cukai pintu dan sebagainya yang belum dijelaskan.

Meneliti inisiatif-inisiatif baru dan memantapkan bidang percukaian antaranya dengan memperluaskan asas cukai (*by adding tax base*), memantapkan penafsiran cukai (*tax assessment*) dan mempertingkatkan penguatkuasaan cukai (*tax enforcement*) melalui pelancaran *fill audit* dan penyediaan *public rolling*. Melaksanakan inisiatif berterusan bagi mengukuhkan pembangunan model insan melalui pelaksanaan program-program pembangunan, pengurusan dan kepimpinan Kementerian Kewangan (*MOF Lead Program*) dan program latihan berstruktur tahunan Kementerian Kewangan dan meneruskan pengendalian *vendor clinic* dan pemantauan system *invoice tracking* bagi

menangani isu pembayaran lambat.

Secara ringkas peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Kewangan adalah seperti yang berikut:

1. Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak \$55,325,865.00.
2. Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak \$697,431,380.00. Antara perbelanjaan di bawah kategori ini termasuk Perbelanjaan Berulang-ulang di bawah Perkhidmatan Rampaian dengan peruntukan sebanyak \$541,199,982.00 untuk kegunaan bukan sahaja Kementerian Kewangan guna sama bagi semua kementerian di jabatan-jabatan kerajaan contohnya peruntukan perbelanjaan Elaun Cuti dan Tambang, Rawatan Pakar dan Penasihat, Elaun Pelajaran yang dipohonkan oleh semua pegawai dan kakitangan di dalam kerajaan.

Akaun fokus perbelanjaan antara lainnya bagi melaksanakan *Scheme Apprenticeship* graduan sebanyak \$15 juta. Projek Pengambilan dan Pengurusan Ketua Guru Pakar dan Guru Pakar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik sejumlah \$17 juta. Peruntukan sebanyak \$5 juta

bagi mendukung pembangunan kemajuan perusahaan mikrokecil dan sederhana. Projek fokus disediakan sebanyak \$10 juta khusus bagi membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus perbelanjaan negara dan projek rampaian disediakan sebanyak \$7.5 juta khusus bagi menampung pembiayaan atau pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan. Perbelanjaan Kemajuan disokong sebanyak \$300 juta untuk membiayai projek Jambatan Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kewangan berharap melalui pelaksanaan program dan projek yang dirancang, ia akan dapat mendukung usaha ke arah meningkatkan perkembangan ekonomi negara, memperkembangkan sektor swasta termasuk dalam menarik Pelaburan Langsung Asing, meningkatkan hasil pendapatan negara khususnya dari sektor bukan minyak dan gas, melaksanakan *priority spending*, menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan lain-lain selaras juga dengan menyokong tema belanjawan negara 2017/2018 iaitu Belanjawan Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mapan (*Sustainable*).

Terakhir Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga memohon bahawa ada satu jabatan di bawah Kementerian Kewangan yang boleh disifatkan sebagai jabatan yang tertutup dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, jabatan berkenaan adalah Jabatan *HM's Flight*. Jadi kaola memohon

supaya ia tidak dibincangkan secara terbuka untuk jabatan tersebut. Sekian yang dapat kaola kongsi sebagai maklumat dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin atas kenyataan tentang Kementerian Kewangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya bukakan Tajuk Kementerian Kewangan untuk kita bahaskan.

Dalam senarai yang ada pada saya ini, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terlebih dahulu terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola ingin membincangkan tentang pengumuman pindaan cukai seperti cukai import yang telah dikurangkan atau ditiadakan.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menarik perhatian kepada pertukaran cukai eksais yang berkemungkinan akan memberi impak kepada kos produktiviti syarikat-syarikat tempatan. Kaola ingin mencadangkan supaya boleh meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam serta penerangan mengenai

kebaikan dan kekurangan inisiatif tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas cadangan tersebut yang kaola lihat cadangan itu supaya pemberigaan akan dibuat untuk memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai impak penurunan dan pengenalan *excise duties* kepada satu-satu produk. الْحَمْدُ لِلَّهِ mulai minggu ini, hari ini juga selepas ada pengumuman kelmarin ada beberapa jerayawara telah diprogram supaya orang ramai mengetahui mengenai impak cukai ini dan sekurang-kurangnya orang ramai dapat memberi *feed back* (maklumat balas) dari jerayawara itu.

Ada sudah program-program itu إِنَّ شَاءَ اللَّهُ dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas cadangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola ada soalan bagi Tajuk

Jabatan Kementerian Kewangan mengenai pembayaran lewat (*late payments*). Kaola sudah pun membawa isu *late payment* ini semasa muzakarah bersama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan akan tetapi isu-isu ini sering di *highlight* oleh pihak swasta dan dalam kalangan orang ramai jua mengenai perkara ini sehingga mengakibatkan ada usahawan terpaksa menutup syarikat ataupun mengurangkan kakitangannya. Pemantauan antara semua kementerian hendaklah diselaraskan:

1. Adakah sudah cadangan atau mekanisme untuk memproses pembayaran secara *end to end* seperti contoh menghantar invois melalui talian *online, tracking proses* dimulakan dari penghantaran invois secara di *upload* atau dimuat naik oleh syarikat itu sendiri hinggalah bayaran diluluskan?
2. Sehubungan dengan *late payment* kaola ada menerima maklumat dari *Darussalam Enterprise* mengenai *late payments* iaitu data-data yang menunjukkan bahawa jumlah kes yang diterima dari tahun 2016 hingga 16 Februari 2017 sebanyak 1,315 kes sudah diterima dan hanya setakat 89 kes telah diselesaikan sehingga 16 Februari. Kes-kes pembayaran lambat yang masih tertunggak adalah sebanyak 1277 dengan jumlah yang tertunggak ialah \$55,836,925.00 bagi 66 buah syarikat. Adakah

peruntukan pada tahun ini disediakan di setiap kementerian untuk membayar syarikat-syarikat yang masih ada tunggakan pembayaran? Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih persoalan daripada Yang Berhormat. mengenai kelambatan pembayaran dan cadangan-cadangan tadi. Langkah-langkah inisiatif Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan pembayaran memang sudah *on going*. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sejak tahun 2014 kita telah memperkenalkan *invoice tracking module* dalam *TAFIS* untuk meningkatkan akauntabiliti dan posibiliti ke atas proses pembayaran dan seterusnya memastikan pemantauan yang telus.

Pada Februari 2015 *email notification* dalam *invoice tracking module* telah diperkenalkan ia dapat memberikan ketelusan (*transparency*) kita dapat melihat bahawa sebenarnya *invoice* tersebut berada sama ada di kementerian-kementerian ataupun di Kementerian Kewangan atau di jabatan-jabatan. Pada Jun 2015 dan April 2016 Jabatan Perbendaharaan telah melaksanakan peningkatkan ke atas *module department* tawaran dan kontrak bagi memastikan setiap permohonan, pembayaran dan pemantauan dapat dibuat melalui sistem *TAFIS* termasuk pembayaran berkaitan dengan projek

RKN dengan waran dikeluarkan secara *online* melalui *TAFIS*. Kementerian Kewangan memberi peringatan kepada kementerian dan jabatan-jabatan supaya memenuhi peraturan iaitu membuat sebarang komitmen itu mestilah ada disediakan seperti pengeluaran Pesanan Rasmi atau *Purchase Order* dan seterusnya membuat proses pembayaran dengan segera selepas pembekalan perkhidmatan diselesaikan. Pada masa ini telah pun diberikan kepada kementerian-kementerian.

Sebagaimana yang dikongsikan dalam muzakarah dulu dapat kita lihat kementerian-kementerian ada yang sudah melaksanakan pembayaran-pembayaran itu *within* TPORnya ada hanya 2, 3 kementerian yang melimpasi 20% yang lain-lain itu nampak-nampaknya *single digit* ada yang 6% dan 1% dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** ada kementerian-kementerian itu sudah melaksanakan.

Cuma apa yang mendukacitakan saja kadang-kadang disebabkan oleh orang *trying to be the sistem* jadi ia tidak masuk di *invoice tracking system* itu. Apabila ia tidak masuk di *invoice tracking system* itu dengan sendirinya terkeluar. Jadi perkara ini susah untuk dipantau di mana kedudukan inouis pada masa ini. Itulah menyebabkan kelambatan-kelambatan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ perkara ini diambil maklum dan kita akan berunding lagi dengan kementerian-kementerian bagaimana cara-cara kitani lagi mempercepatkan. Bagaimana kitani jua dilihat dalam muzakarah hari itu ada dalam televisyen

macam mana cara-cara *vendor* itu menghadapi segala tuntutan (*claim*) mudah-mudahan akan lebih efektif dan kita memohon kerjasama daripada pembekal-pembekal, syarikat-syarikat supaya mengikut cara-cara tuntutan iaitu mesti melalui sistem yang sedia ada.

Satu lagi kerja itu diberikan kepada kementerian-kementerian, agensi-agensi tersebut bahawa *producing Purchase Order*, penting. Kalau sudah ada *Purchase Order* dengan sendirinya peruntukan ada. Jika belum ada *Purchase Order* mungkin peruntukan tidak ada. Ini yang jadi masalah dalam pembayaran.

Mengenai data-data Yang Berhormat bentangkan iaitu mengenai *DARe* \$1,315 ribu tapi di Kementerian Kewangan ada juga *Vendor Clinic* yang sudah saya nyatakan tadi. Sebenarnya kalau diceritakan terlalu panjang. Ada sebahagian tunggakan itu dari 6 atau 8 tahun yang lepas. Timbulnya perkara ini disebabkan apabila *DARe* membuka mengenai siapa yang lambat menerima pembayaran maka dipersilakan untuk membuat tuntutan.

Ini menyebabkan tuntutan sukar untuk di kesan memandangkan tempoh tuntutan sudah begitu lama dan orang yang mengesahkan produk itu juga sudah tidak ada lagi iaitu pencen dan juga sama ada barang itu sudah diterima atau tidak tetapi *obligation* kerajaan disebabkan agensi-agensi sudah menempah maka terpaksa dibayar juga.

Setakat ini kita meminta agar *vendor* itu membuat *declaration* mengenai tuntutan

tersebut tidak pernah dibayar tapi *in good deed* kerajaan sudah menerima sehingga sekarang belum ada yang pernah mengembalikan sama ada *double payment* dan sebagainya tidak ada.

Mudah-mudahan kita dapat menyelesaikan perkara ini tapi kita perlu menutup masalah ini disebabkan ada yang tidak dapat di kesan sama sekali menjadikannya sukar untuk dibayar. Kerajaan tidak akan membayar begitu saja melainkan ada bukti barang-barang tersebut telah diterima.

Kita harus bersama-sama memberigakan perkara ini kepada syarikat-syarikat supaya mereka mengikut peraturan-peraturan dan proses. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika mengikut peraturan dan proses apa yang kita janjikan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat ditunaikan. Segala kerja tersebut ada peruntukannya. Ini yang kita pohonkan iaitu kerjasama daripada semua pihak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** abiskaola menyambut baik usaha Kementerian Kewangan untuk meningkatkan celik kewangan ataupun *financial literacy* bersama dengan agensi-agensinya yang dilibatkan seperti perbankan dan perkhidmatan insurans, seperti yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) kelmarin.

Ini termasuk juga difahami setiap 28 Mei dikenali sebagai Hari Menabung Kebangsaan. Kaola pernah membawa perkara ini sewaktu sesi permuzakarahannya dan di Dewan yang mulia ini kaola bercadang untuk membawanya secara menyeluruh kerana perkara ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya.

Di samping *retirement planning* yang diberikan melalui Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Pekerja (SCP) abiskaola ingin memberi usulan untuk mengadakan *Short Term Savings* untuk pekerja di pihak kerajaan dan swasta mungkin juga dilaratkan kepada penuntut di pengajian tinggi yang ingin turut serta.

Ini kerana *millennials* atau belia yang lahir dari tahun 1980-an hingga 2000 ada yang bekerja secara *job hopping*. Selepas beberapa tahun berkhidmat untuk mencari peluang yang lebih baik dan Simpanan Jangka Pendek ini dapat membantu mereka.

Short Term Savings ataupun apa saja nama yang akan diberikan nanti dapatlah membantu mereka sekiranya mereka berhenti berkhidmat selama beberapa tahun untuk seperti contoh membuka bisnes kecil-kecilan, menyambung pelajaran atau sebagai *buffer* sementara mencari pekerjaan atau mencari pekerjaan yang lain. Ia hendaklah juga bersifat sukarela (*voluntary*) dan bolehlah bermula dari serendah 10% dan bolehlah dibuat melalui potongan gaji atau elaun mereka. Sebagai tarikan sesiapa yang mengikuti program ini perlu

juga ada insentif supaya dapat mengamalkan budaya menabung.

Bayangkan saja abiskaola mengira tadi seorang graduan menerima elaun \$300 sebulan selama 4 tahun dia akan dapat menyimpan \$1,440 diakhir pengajiannya dari wangnya sendiri atau seorang pekerja bergaji \$1,000 sebulan selama 10 tahun ia akan dapat menyimpan \$12,000 dan dapat digunakan untuk apa jua kegunaan mereka. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik. Sebagaimana juga yang dicadangkan dalam permuazakarah tersebut abiskaola mengambil baik cadangan ini dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perkara ini akan difikirkan secara mendalam. Sebenarnya pada waktu ini memang sudah ada sukarela untuk rumah dan sebagainya.

Tapi untuk rumah ini orang menabung secara sukarela dan kalau 4 tahun ia menabung dengan sendirinya ia boleh diberikan sebanyak \$25,000 untuk perumahan jumlah yang tertinggi tergantung pada gajinya dan juga *household income*. Kalau orang bujang separuh saja diberikan melainkan sudah berkahwin barulah mendapat jumlah sebanyak \$25,000.

Satu cadangan baik. Apa yang dimaksudkannya tadi supaya orang itu akan menabung secara sukarela tapi ia akan dikeluarkan misalnya jika ia hendak menyambung pelajarannya ataupun ia

ingin untuk membuka perniagaan dan sebagainya untuk jadi modal mereka. Ini cadangan yang baik dan diucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* dan salam sejahtera. Merujuk balik cadangan yang pernah diutarakan sewaktu muzakarah yang lalu, kaola ingin menekankan mengenai cadangan tentang kesedaran kewangan.

Kaola difahamkan bahawa kementerian memang sudah menjalankan beberapa program berkaitan seperti Sambutan *National Savings Day* namun kesedaran ini perlu lagi diberigakan secara meluas. Ini disebabkan masih terdapat ramai penduduk yang terpedaya dengan Skim Cepat Kaya dan seumpamanya ataupun tidak mempunyai simpanan yang mencukupi.

Kaola ingin mencadangkan agar Kementerian Kewangan dapat meningkatkan lagi usaha bagi kesedaran pendidikan kewangan bermula dari peringkat sekolah rendah bagi mengurangkan masalah-masalah sosial yang timbul disebabkan oleh kesempitan kewangan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Satu lagi cadangan yang baik untuk meluaskan lagi *financial literacy* ini. Memang pada waktu ini *is on-going* yang diusahakan oleh AMBD bank-bank TAIB, Takaful dan sebagainya ada membuat pemberitaan mengenai *financial literacy* dan memang dahulu ada juga yang diberigakan kepada anak-anak sekolah dan sebagainya.

Cuma barangkali sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak begitu luas. Insyallah akan diluaskan lagi perkara-perkara ini. Orang yang akan baharu kahwin juga sebenarnya diberigakan. Ini penting bagi mereka. Kalau sudah kahwin sekurang-kurangnya ada *financial literacy*, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dapat juga untuk memberikan keyakinan kepada mereka untuk *going forward*. Yang Berhormat Pengerusi, insyallah akan mengambil baik cadangan tersebut, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) terhadap pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Kaola ingin memaklumkan bahawa dari segi *Authority Monetary* Brunei Darussalam sebenarnya sebagaimana yang telah dimaklumi sentiasa bekerjasama dengan

agensi-agensi berkaitan dalam sama-sama usaha meningkatkan kemahiran celek kewangan atau *financial literacy skill* masyarakat demi menjamin kesejahteraan kewangan mereka.

Ini termasuklah memberi dukungan yang berterusan oleh agensi-agensi kewangan di Negara Brunei Darussalam ini. Pada tahun 2015 *Authority Monetary* Brunei Darussalam dengan kerjasama *Center of Strategic Policy Studies (CSPS)* telah melaksanakan sebuah kajian menyeluruh seluruh negara iaitu *Nation Wide Research* mengenai celik kewangan dan antara lain objektif kajian tersebut adalah untuk menilai tahap celek kewangan dan keupayaan kewangan *financial capability* masyarakat Negara Brunei Darussalam dan hasil daripada kajian tersebut beberapa cadangan dasar termasuk amalan terbaik (*The Best Practices*) telah pun digariskan yang mana bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran celek kewangan ini.

Pada 28hb Mei 2015 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMDB telah mengisytiharkan tarikh tersebut sebagai hari menabung kebangsaan menyemai ia juga meningkatkan kesedaran orang ramai kumpulan simpanan pada tahun 2016 dengan Kementerian Kewangan institusi-institusi

kewangan pihak AMDB telah mengistiharkan tarikh tersebut sebagai Hari Menabung Kebangsaan.

Antara objektif Hari Menabung Kebangsaan adalah memberigakan kepentingan untuk menyemai dan menerapkan budaya menabung di kalangan seluruh masyarakat di negara ini. Ia juga bertujuan untuk mengalakkan, meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai pentingnya pengurusan kewangan yang berhemat termasuk perancangan kewangan, pengurusan hutang dan pengumpulan simpanan.

Pada tahun 2016 AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan telah mengadakan Jarayawara Celik Kewangan ke sekolah-sekolah rendah. Ianya juga turut disertai oleh institusi-institusi kewangan dan *Junior Achivement Brunei*. Pihak AMDB juga telah mengadakan *Financial Funfare* yang mana sasarannya adalah bagi orang ramai terutama keluarga diberikan pendidikan kewangan melalui aktiviti-aktiviti dan permainan *interactive*.

Selain daripada itu dalam tahun 2016 AMBD juga telah mengadakan program-program yang menyasarkan kumpulan-kumpulan tertentu dan ini termasuklah taklimat-taklimat mengenai celik kewangan, Biro kredit dan mata wang bagi kementerian-kementerian dan institusi-institusi pendidikan. AMBD juga telah mengeluarkan beberapa artikel dan *tutorial* mengenai celik

kewangan dari masa ke semasa demi untuk memperluaskan lagi penyebaran pendidikan kepada masyarakat. Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Kewangan II

(Kedua): Kaola menambah sedikit sahaja lagi Yang Berhormat Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Pehin Seri Kerna Timbalan Pengerusi AMDB ada menyebut tadi mengenai dengan ke sekolah-sekolah ini.

Kaola ada *information* di sini nampaknya ada kementerian-kementerian kerjasama Kementerian Pendidikan dalam mengadakan pertandingan menabung di sekolah-sekolah (*Global Money Week*) antara sekolah-sekolah yang pernah menyertai itu ada 26 sekolah yang sudah menyertai tapi apa yang penting ialah dari segi untuk memastikan kejayaan itu adalah lebih kepada kesedaran kitani setiap individu itu dalam memastikan kewangan masing-masing diurus secara rapi dan berhemah dan sebabnya isu celik kewangan ini bukan sahaja memerlukan kerjasama daripada agensi kerajaan tetapi adalah melalui pendekatan secara *Whole of Nation*.

Dahulu pun pernah juga usur menyusur kampung pun ada juga dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat keterangan-keterangan dan kenyataan-kenyataan yang diberikan

oleh menteri-menteri yang berkenaan adalah cukup jelas dan saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya, dan kita masih lagi menimbang Rang Undang-Undang (2017), Perbekalan 2017/2018 satu-persatu, dan Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita sekarang masih lagi membincangkan Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A - Kementerian Kewangan.

Saya masih lagi mempunyai senarai beberapa orang Ahli Yang Berhormat suka untuk ikut serta pada membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan ini. Nampaknya, Tajuk ini menarik minat semua ahli yang berkenaan. Saya mempersilakan sekarang, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan

salam sejahtera. Kaola ingin bertanya mengenai Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Pertanyaan kaola ini telah pun disuarakan oleh rakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Walau bagaimanapun, jika mendapat kebenaran kaola ingin juga menyampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh mengenai penyelarasan dan perubahan kepada kadar cukai import dan eksais yang baharu diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan berkuat kuasa mulai 1 April 2017.

Seperti yang difahamkan, dengan pengemaskinian kadar cukai import dan eksais ini, hanya barangan atau produk-produk yang disasarkan oleh kerajaan akan menurun. Ini bagi meringankan kos sara hidup terutamanya bagi golongan sasaran.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi:-

- 1 Bagaimanakah pihak kerajaan nanti memastikan barang-barangan yang dijual di pasar raya ini dikawal berikutan dengan perubahan kadar-kadar cukai yang diperkenankan ini?; dan
- 2 Perniagaan dalam talian ataupun *online business* telah berkembang pesat di seluruh dunia, tidak terkecuali negara kitani. Apa yang ingin kaola timbulkan di sini tentang

kos penghantaran barang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negara boleh dikatakan mahal dan tinggi yang kadang-kadang kos melebihi dari harga barang yang hendak kita beli jika dibandingkan dengan kos penghantaran ke negara jiran. Adakah kos yang mahal ini bersangkut paut dengan cukai yang dikenakan kerajaan atau disebabkan oleh perkara-perkara lain?.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dengan 2 soalan tadi. Salah satu daripadanya ialah mengenai kawalan terhadap barang-barang yang diturunkan cukai dan sebagainya. Insya-Allah, Kementerian Kewangan memang akan mengadakan perundingan dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai jabatan yang mengawal harga barangan iaitu barang-barang yang terkawal sahaja, tetapi perundingan jua akan diadakan supaya sekurang-kurangnya mengingatkan kepada pekedai-pekedai ataupun syarikat-syarikat yang terlibat itu supaya tidak menaikkan harga barangan yang sepatutnya turunkan.

Ada kadang-kadang disebabkan perkara ini, bukan pula *maintain* harga tetapi *profit margin* naik. Ini akan mengingatkan pekedai-pekedai, insya-Allah supaya dengan adanya penurunan cukai itu tidak akan menaikkan harga

barangan tersebut. Tujuan kitani ialah untuk membantu golongan sasaran misalnya tayar baharu, kitani menurunkan kepada 5% manakala misalnya barang-barang alat ganti juga diturunkan, kitani berpendapat sekurang-kurangnya kos untuk membaiki kereta dengan harga alat-alat ganti akan turun. Ini memang akan dipantau dari semasa ke semasa.

Mengenai *online business* yang penghantarannya dari luar negeri mahal, itu bukanlah bersangkut paut dengan cukai kerana cukai kitani biasa dan *constant* dan tidak berkaitan dengan bayaran penghantaran. Kemungkinan ia dikenakan dari segi *volume* dan sebagainya yang pihak Kementerian Perhubungan mungkin mahu menambah. Ia tertakluk juga kepada barangan yang dibawa masuk dan jika ia untuk dikenakan cukai 5% maka 5% jugalah akan dicukai, dan jika 20% maka 20% juga akan dicukai. Perkara itu biasa, di tempat lain juga sama, mana-mana barangan yang patut dicukai maka akan dikenakan cukai juga.

Yang Berhormat Pengerusi: Mungkin *cost of freight* yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Memang *freight charge*, Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin kos *freight charge* tersebut disebabkan *volume* atau *economic sub skill*, yang memberikan kos yang murah.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan, untuk menyambung.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan harga barangan yang dihantar ke Negara Brunei Darussalam agak tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) tadi, ada isu yang di luar daripada jangkauan kitani yang berhubung dengan sistem logistik antarabangsa iaitu termasuk *Shipping International System* dan juga *Air Cargo System* atau sistem logistik pada keseluruhannya sama ada *air cargo* atau *sea freight*. Apa yang menjadi trend sekarang, apabila ekonomi global semakin tumbuh dan kegiatan perdagangan semakin banyak, syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan perkapalan dan kargo lebih cenderung kepada memberi perkhidmatan kepada ekonomi-ekonomi pesat seperti ke Singapura, Hong Kong, Taiwan, China dan Malaysia. Ini dengan sendirinya merupakan satu cabaran besar kepada Negara Brunei Darussalam memandangkan *volume* untuk menarik perkhidmatan itu datang ke Negara Brunei Darussalam terlalu kecil.

Dengan demikian, kitani bergantung pada sistem internasional logistik ini

kerana kitani berharap kepada *figure services* syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan secara *feeding* tidak termasuk daripada *network* antarabangsa. Ini bermakna kita berhadapan dengan masalah:-

1. Dengan harga yang tinggi, harga-harga yang dikenakan untuk menghantar barang ke Negara Brunei Darussalam agak tinggi; dan
2. Waktu barang-barang itu sampai ke Negara Brunei Darussalam sehinggakan ada yang mencapai 2 bulan atau lebih.

Yang Berhormat Pengerusi. Perkhidmatan penghantaran sekarang ini pun sudah ada syarikat-syarikat persendirian yang memberi perkhidmatan yang lebih canggih yang mempunyai *global network* sebagai contoh *fedEx (fed express)*, *UPS*, *DHL*. Mereka ini pun mempunyai *network global* dan lebih cekap jika penghantaran itu dihantar melalui syarikat-syarikat ini, kerana mereka mempunyai *network* tersendiri.

Kalau dihantar melalui sebagai contoh System *Universal Postal Union Service* melalui pos, timbul masalah ini hinggakan barangan dari Amerika sebagai contoh tidak sanggup menghantar ke Negara Brunei Darussalam kerana ia tidak termasuk daripada *The International Logistic Service*. Jadinya kadang-kadang banyak penghantaran daripada mereka terpaksa dihantar ke China, Hong Kong, Filipina, Singapura. Dari Singapura

ke Malaysia dan baru tiba di Negara Brunei Darussalam dan sebagainya. Itu masalah yang kita hadapi pada masa ini.

Adalah dikhuatirkan kalau kita tidak membuat langkah-langkah strategik seperti apa yang diusahakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos masa ini untuk mengadakan *strategic partner* dengan Singapura untuk mengadakan *voucher post* sebagai contoh untuk memastikan bahawa semua barangan yang ditujukan ke Negara Brunei Darussalam itu dapat disalurkan melalui Singapura. Inilah usaha yang sedang diusahakan. Mudah-mudahan dengan cara itu Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada Sistem Logistik Antarabangsa. Itu sahaja yang dapat kaola terangkan, mudah-mudahan dapat memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat tadi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah mengusahakan bermacam-macam isu untuk pembangunan rakyat Brunei.

Jadi, kaola tertarik dengan penubuhan *SME Bank* dan jua penubuhan Bursa Saham Brunei. Kaola disini memohon

supaya kemudahan pinjaman kewangan kepada peniaga-peniaga Brunei hendaklah \$100 ribu ke bawah dipermudahkan dengan tanpa kolateral, tanpa cagaran, tanpa penjamin. Yang penting *business proposalnya* meyakinkan. Dipohon jua supaya pihak berwajib untuk memberikan kepercayaan, keyakinan terhadap kemampuan kesungguhan rakyat Brunei untuk menjalankan perniagaan dan berdikari sepenuhnya hidup atas pendapatan perniagaan.

Dipohon juga untuk jangka waktu pembayaran balik sehingga 6 bulan. Ini memudahkan syarikat dapat menjalankan perniagaan dan mendapatkan hasil sebelum membuat pembayaran. Dengan adanya kemudahan pinjaman kewangan insya-Allah rakyat Brunei akan dapat berniaga dengan baik. Dipohon jua supaya pihak *SME Bank* akan memberikan *capital injection* jika diperlukan oleh syarikat-syarikat yang menghadapi masalah. Demikianlah terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas cadangan Yang Berhormat mengenai penubuhan *SME Bank*. Kaola akan mengongsikan sahaja mengenai *SME Bank* ini. Apa sebenarnya objektifnya. Pada tahun 2016 *backgroundnya* ada firma pakar antarabangsa menganggarkan sebanyak 1700 *MSME* di Negara Brunei Darussalam ini tidak berupaya untuk

mendapatkan perkhidmatan kewangan dari pihak bank. Disebabkan oleh itu untuk membantu *MSME* ini ditubuhkanlah *SME Bank* ini.

Ia adalah untuk menyediakan *platform* bagi menyediakan dana bagi pinjaman kewangan yang mudah didapatkan sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam *Accessible Financing* untuk mendukung pertumbuhan *MSME* menggalakkan *start up* dan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan berkembang dan mendukung usaha mempelbagaikan sumber pendapatan negara jua. Jadi, ia mendukung perkembangan perniagaan dalam sektor yang disasarkan sahaja dan mewujudkan pekerjaan dalam *start up sector SME* dan jua akan memperluaskan dan memperdalamkan lagi sektor kewangan.

Sebenarnya *SME Bank* ini kerajaan akan bekerjasama dengan *Technical Partner*. *Technical Partner* akan membantu dalam pengendalian dan pengurusan bank bagi 3 tahun pertama. Ia akan bertanggungjawab untuk menyelia penubuhan semua struktur dan fungsi bank, mereka bentuk prosedur garis panduan dan produk-produk dan menyediakan latihan dan bimbingan yang komprehensif untuk semua kakitangan di semua peringkat. Jadi mengambil peranan pengurusan utama termasuk *secondment of* Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Operasi.

Jangkaan tarikh pelancarannya adalah kira-kira 5 hingga 6 bulan yang akan datang. Pada waktu ini masih lagi di peringkat untuk menubuhkan. Misalnya kita perlu melantik Lembaga Pengarah (*Board Of Directors*)nya, melantik Pengurus Bank, melantik Penyelia Pengurusan, meluluskan *Plan Strategic*, ini *Board Of Directors* yang menguruskan. Apa yang biskita cadangkan itu, merekalah yang memikirkan itu. Jadi sebagaimana yang kita lihat dan dengar hari itu ia berdasarkan Konsep Patuh Syariah (*Syariah Compliance*). Ia akan beroperasi berunsurkan *cashless* dan *credit only*. Jadinya urus niaga dilaksanakan melalui *corresponding bank* yang sedia ada, misalnya bank-bank yang ada BIBD, Baiduri dan mana-mana jua bank yang berminat. Jadi strukturnya itu nanti dan rangkaian cawangannya akan *link*.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsi pada setakat ini, sebabnya bank itu kita tunggu dalam 5 ke 6 bulan itu sebabnya tempatnya itu kaola masih lagi memikirkan masa ini dan jua *Board of Directors* dan pengurusan-pengurusan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Pada petang ini kaola akan menyentuh mengenai pencen, mungkin lain daripada rakan-rakan.

Jadi syukur **الْحَمْدُ لِلَّهِ** pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam sebelum tahun 1993 dalam Skim Perkhidmatan Berpencen. Apabila pegawai-pegawai dan kakitangan ini berpencen akan dihulurkan pencen bulanan separuh daripada gaji terakhir mereka sebelum bersara. Kemudian akan menerima pencen bulanan dengan kadar $\frac{3}{4}$ daripada gaji yang diterima sebelum bersara setelah perkhidmatan pegawai dan kakitangan yang berpencen genap 15 tahun. Barangkali tempoh ini terlalu lama sehinggakan ada sebahagian daripada pegawai-pegawai dan kakitangan tidak sempat menikmatinya. Barangkali oleh itu tempoh yang 15 tahun itu akan dapat dikurangkan ke sesuatu tempoh yang bersesuaian.

Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan tidak berpencen ataupun menerima TAP juga ada menyuarakan supaya mereka ini apabila bersara daripada perkhidmatan supaya akan dapat diteruskan menerima Elaun Sara Hidup kerana mereka ini pun berbakti semasa perkhidmatannya. Begitu juga bagi pegawai-pegawai yang berpencen, apabila umur mereka mencapai 70 tahun, Elaun Sara Hidup itu juga dapat diteruskan.

Mengenai kenaikan gaji tahunan EB Khas. Kenaikan gaji EB Khas akan disokong apabila tempoh sudah genap 3 tahun dengan sekurang-kurangnya

mendapat prestasi Sangat Baik. Barangkali tempoh ini juga perlu dikaji semula bagi mereka ataupun pegawai-pegawai dan kakitangan itu mendapat prestasi yang cemerlang. Perkara ini juga akan memberikan semangat mereka untuk menunjukkan produktiviti dan kualiti kerja. Sekian itu sahaja kali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Apakah cadangan pertama Yang Berhormat tadi?

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Yang Pertama itu, selalunya apabila kitani berpencen genap 15 tahun akan dihulurkan pencen $\frac{3}{4}$ Yang Berhormat. Jika boleh dikurangkan daripada 15 tahun.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih jua atas keprihatian Yang Berhormat mencadangkan supaya 15 tahun itu dipendekkan. Pencen ini sebenarnya ada aktanya. Akta-Akta pencen yang ada sekarang ini memang seperti itu. Akta yang mentadbir mengurus pencen-pencen tersebut. Perlu kitani fikirkan secara mendalam perkara ini dari segi implikasinya kepada kerajaan. Kalau kitani memendekkan lagi tempoh itu memanglah kitani seboleh-bolehnya kalau kitani berumur ani seboleh-bolehnya mahu menikmati pencen itu. Cuma yang akta itu memberitahu kalau sekiranya orang itu meninggal sebelum

15 tahun itu diterimanya ia akan menerima pencen turunan jadinya balunya dan anak-anaknya yang dapat. Itu yang ada pada waktu ini. Cadangan itu diambil maklum dan akan diteliti secara mendalam terutama implekasinya itu. Implikasinya itu banyak.

Kemudian mengenai Elaun Sara Hidup (ESH), TAP ini ialah *contribution*. Sama-sama *contribute*. Kalau pegawai kerajaan yang berpencen kerajaan membayar sebab itu ada ESH. Cuma kalau kitani kan membayar macam itu banyak jua *implication* sebabnya kalau melihat kerajaan pada masa ini membayar \$124 juta untuk orang-orang kerajaan yang berpencen sahaja. Jika kitani masukkan orang-orang yang menerima TAP ini akan menjadi *double*. Mungkin tidak *sustainable* kitani. Ini sebagai pandangan sahaja bukannya tidak menimbangkan cadangan Yang Berhormat.

Yang ketiga itu mengenai dengan EB Khas itu pun peraturan-peraturan yang ada pada waktu ini. Boleh pula kitani meneliti perkara-perkara ini secara mendalam sebagaimana yang kitani nyatakan tadi terpaksa kitani meneliti implekasinya kerana banyak orang yang terlibat kerana pegawai-pegawai kerajaan 61 ribu dalam *established posts*. Bayangkanlah dari segi implikasinya kalau kitani akan memendekkan lagi tempoh tersebut. Tetapi tiap-tiap tahun memang ada *increment* kitani dapat setiap tahun dalam beratus juta dalam setahun. Itu sahaja yang kaola dapat sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya

persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @Sabli bin Haji Arshad:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, usaha mengatasi pegangguran. Usaha-usaha sedang pun atau telah pun berjalan atau dibuat seperti mengadakan program iRDY, Kursus Keusahawanan telah pun berjalan, **الْحَمْدُ لِلَّهِ**

Kaola ingin membuat usulan Yang Berhormat Pengerusi supaya syarikat anak-anak tempatan benar-benar diusahakan oleh anak-anak tempatan bukan yang dikatakan 'Ali Baba' akan diberi insentif ataupun program insentif dalam pemberian tawaran-tawaran kerajaan. Misalnya amanah syarikat yang mempunyai pekerja misalnya tempatan dalam 30% ke 50% orang tempatan yang diambilnya maka ia akan diberikan tawaran tersebut walaupun harganya melebihi daripada orang-orang yang lain. Mekanismenya itu diserahkan kepada pihak yang berwajib.

Buat permulaannya, kaola cadangkan akan diberikan pada peringkat awal ini untuk tawaran-tawaran yang kurang daripada 25 ribu iaitu *quotation* bagi ke semua kementerian. Bagi tawaran-tawaran yang besar kaola mencadangkan supaya *sub-contract* yang ada dikhaskan kepada syarikat-syarikat tempatan itu akan diberikan dengan harga yang berpatutan bukan

dengan harga yang kadang-kadang dilihat tidak munasabah.

Kemudian mengenai pengambilan pekerja-pekerja tempatan kaola cadangkan supaya gaji yang diberikan itu akan diberikan gaji yang minimum sesuai dengan misalnya mengambil yang bergraduan sesuai dengan graduan yang kitani letih dalam *IRDY*. Mengenai perkara yang lain, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kitani telah mendengar bahawa banyak cukai mesin dan sebagainya sekarang ini telah pun dikurangkan cukainya. Kaola ingin bertanya Yang Berhormat, sebelum ini ada keistimewaan diberikan kepada pembelian mesin-mesin yang digunakan untuk pekilang-pekilang.

Jadi, apabila biasanya ia menulis surat kepada Kementerian Kewangan, jika dahulu melalui BINA. Jadi memohon supaya ia akan dibebaskan daripada cukai. Jadi adakah dengan adanya penurunan sistem pengurangan cukai yang ada sekarang itu masih dikekalkan atau ditiadakan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Dua, perkara yang dicadangkan usulan mengenai syarikat anak-anak tempatan bukan 'Ali Baba' supaya tawaran-tawaran kerajaan itu diberikan keutamaan dan akan diberikan keistimewaan kepada mereka. Terutamanya tawaran-tawaran kecil dan mana-mana jua tawaran-tawaran besar, *sub contract* itu untuk

orang-orang tempatan. Tidak silap di industri minyak dan gas, memang sudah ada perkara ini berlaku barangkali rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan dapat menerangkan secara *detail* perkara itu. Memang perkara ini diberikan keistimewaan, cuma apa yang ialah orang-orang kita harus benar-benar berbisnes secara *hands on*.

Kadang-kadang apa yang didapati pada waktu ini, kita memberi tender itu kerana mereka ini orang kita dan selepas itu *disub* kan. Inilah yang kita tidak mahu. Ini cadangan kita *the other way round*, orang-orang yang benar-benar ada *instinctnya*, orang-orang tempatan kita benar-benar mengerjakan perkara itu.

Mengenai dengan cukai ini, *heavy industry* cukai-cukai dahulu ada *rebate* apa. Kalau tidak silap saya akan menyemak lagi. Pemikiran saya memang masih lagi berjalan perkara itu. Jadinya perkara itu memang masih lagi dilaksanakan dan bukan sahaja itu, dulu banyak syarikat tempatan ini kita membayar *rebate*, tapi ia mesti ada Sendirian Berhad (Sdn Bhd.), misalnya kalau sekiranya ia mengambil pekerja kita, orang-orang kita dalam *certain* macam gaji ia ditolak sebagai perbelanjaannya itu, itu orang kita tu, kalau ia menghantar orang kita itu berlatih ditolak lagi profitnya itu.

Jadi, sebab itulah jika sekiranya profitnya itu *certain amount* ditolak dengan itu, tidak banyak ia membayar, *cooperate tax* nya. Sama jua yang inda salah *incomenya less than certain amount*

tidak kitani mentax, ada sudah kalau tidak silap dalam tahun 2008/2009 sudah kitani melaksanakan program-program untuk membantu orang-orang kita di syarikat-syarikat tempatan, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih. Kaola akan menambah sedikit sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi dari pertanyaan Yang Berhormat. Dalam sektor minyak dan gas, kandungan perniagaan tempatan adalah menjadi salah satu daripada syarat untuk *qualifying for tenders* dan arahan ini arahan *local bisnes directive* yang dikeluarkan pada tahun 2011 bermatlamat bagi membangunkan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** *truly Bruneian business* seperti mana juga yang diharapkan oleh Yang Berhormat. *Truly Brunei Business* yang mengamalkan prinsip perniagaan yang kukuh.

Selain itu, arahan ini juga menggalakkan persaingan sihat dan membasmi monopoli dan market *domination*. Sebelum arahan berkenaan hanya terdapat 5 buah syarikat yang monopoli perniagaan di sektor minyak dan gas. Semenjak arahan EDB dikeluarkan sebanyak 46 buah syarikat PKS tempatan baharu telah berjaya mendapat kontrak pertama mereka dengan bernilai keseluruhannya \$962 juta.

Di samping itu, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, juga mengeluarkan arahan dua *local business directive* pada 1 Februari

2012. Sama juga bagi menangani isu 'Ali Baba' dalam syarikat-syarikat tempatan. Kepatuhan kepada arahan ini diperlukan bagi mana-mana tawaran yang dikeluarkan di sektor minyak dan gas. Pemilik syarikat-syarikat dikehendaki aktif dalam pengendalian perniagaan mereka. Pemantauan telah dibuat melalui lawatan permuzakarahannya ke syarikat-syarikat tempatan. Mana-mana syarikat yang mempunyai pemilik tempatan yang tidak aktif, mereka tidak akan dianugerahkan kontrak atau pembaharuan kontrak dengan mana-mana operator di sektor minyak dan gas.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola kongsi bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga akan bercakap mengenai dengan Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan.

1. Berhubung dengan Ringgit Brunei yang mengalir ke luar negara. Kalau kita melihat senario pada masa ini, pihak kerajaan berbelanja berbilion-bilion dalam negara khusus dalam pembangunan dan kebajikan rakyat. Sementara di sebelah satu pihak iaitu sebahagian daripada rakyat kita suka berehat dan berbelanja di luar

negara. Sebagaimana yang saya tahu bahawa hampir \$5 billion setahun, Ringgit Brunei mengalir ke luar negara dan ini tentulah tidak menguntungkan negara kita; dan

2. Sementara pengusaha-pengusaha luar yang menggunakan lesen tempatan telah mengaut keuntungan beratus-ratus juta. Mereka ini juga tidak dapat membuat pelaburan di Brunei di negara kita ini, kerana mereka bukanlah pelabur yang sah dan mereka ini tidak dikenakan cukai juga dan mereka ini terpaksa menghantar wang hasil keuntungan mereka ke negeri asal mereka. Jadi kedua-duanya merugikan Negara Brunei Darussalam. Jadi apakah ada langkah atau inisiatif agensi kerajaan kitani untuk mengurangkan pengaliran wang Ringgit Brunei ini ke luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Mengenai yang pertama tadi, ialah aliran mata wang Brunei mengalir ke luar negara. Untuk makluman memang betul, jumlah mata wang Brunei yang kita terima daripada MAS atau *Monetary Authority Singapore* pada tahun 2016 berjumlah \$1,247.33, manakala wang Brunei yang dikembalikan ke Brunei hanyalah berjumlah Ringgit Singapura \$1.34 juta sahaja.

Jadi ini menunjukkan bahawa aliran mata wang Brunei adalah tinggi. Jadi, betul seperti Yang Berhormat nyatakan itu kalaulah misalnya orang kitani menggunakan wang itu untuk berbelanja dalam negara akan dapat membantu perkembangan ekonomi dalam negara ini. Ini memberikan kesan positif seperti pembelian barang makanan dan sebagainya.

Dalam hubungan inilah kita memerlukan semua agensi bekerjasama bagi mewujudkan '*whole of nation approach*' bagaimana kita mahu menangani perkara ini. Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi sebelum ini bahawa *AMBD* menggalakkan supaya kitani dapat menanamkan budaya menabung kepada warga negara orang-orang kitani.

Bagi pihak *AMBD* juga telah pun membuat satu inisiatif melantik *Centre For Strategic Policies Studies* satu kajian yang bertajuk *Reducing Cross Border Expenditure by making Brunei Darussalam as a preferred Holiday Destinations by 2025*. Dari kajian ini telah membuat beberapa sokongan. Jadi lagi sekali semua ini memerlukan *considered effort* usaha bersama kitani untuk menangani perkara ini.

Sebagai contoh apabila Kementerian Kewangan mengisytiharkan kurangnya harga tayar kereta yang baharu, alat ganti akan kurang cukai. Saya harap perkara seperti ini akan menggalakkan orang ramai untuk menukar tayar kereta di Brunei. Kerana kadang-kadang kita lihat orang Brunei menukar tayar kereta

pun ke negara jiran. Jadi ini kesedaran harus ada pada orang kitani sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi kalau diizinkan akan dapat merespons atau memberikan keterangan kepada satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Soalan kedua mengenai bursa saham.

Jadi kedudukannya pada masa ini inisiatif bagi penubuhan bursa saham jadi dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Autoriti Monetori Brunei Darussalam (*AMBD*). Beberapa inisiatif, awal telah pun selesai disediakan seperti penyediaan peraturan-peraturan bursa saham, sistem infrastruktur dan pendidikan awal. Pihak Kementerian Kewangan dan *AMBD* akan terus mengukuhkan dasar-dasar dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika semua ini sudah payu nanti barulah kitani akan dapat melancarkan penubuhan Bursa Saham Brunei ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan satu usul berhubung

dengan Tajuk SD01A-Kementerian Kewangan. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Yang Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ada menitahkan supaya diperkasakan ekonomi orang kitani.

Jadi kaola lihat selama ini orang kitani itu macam kehilangan indung. Misalnya saja apabila mereka ingin membangunkan hartanah mereka. Mereka tidak tahu ke mana hendak mengadu akhirnya mereka terperangkap dan terjebak dengan menggunakan *developers* dan akhirnya mereka terjebak lagi dalam perjanjian-perjanjian yang langsung tidak menguntungkan mereka malah menguntungkan pemaju-pemaju hartanah dengan syarat-syarat yang tertentu.

Dengan kemajuan yang pesat sekarang apalagi kaola dengar khusus bagi Daerah Temburong yang sunyi sepi pada masa ini keadaan ekonominya. Dengan terbinanya nanti Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong tentulah banyak projek akan dijalankan antaranya yang sudah dititahkan iaitu pembangunan Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan lain-lain lagi. Tentulah banyak peluang perniagaan dan perusahaan bagi Daerah Temburong. Kaola tahu banyak orang di Daerah Temburong dan orang-orang Bandar Seri Begawan telah membeli hartanah di Daerah Temburong. Baharu semalam kaola berjumpa seorang teman "baru ku

membeli tanah di Daerah Temburong kerana pembinaan jambatan yang akan siap itu”.

Untuk itu Yang Berhormat Pengerusi, supaya orang-orang kitani ini tidak lagi terjebak dengan keadaan yang merugikan itu, kaola cadangkan kerajaan kalau dapat menubuhkan satu dana bagi menjana ekonomi negara ini dan diberi nama Dana Pembangunan Hartanah Orang-Orang Melayu Brunei khusus untuk orang-orang Melayu sahaja. Kitani lihat orang Melayu kitani masih lagi ketinggalan dari segi permodalan dan sebagainya. Dengan adanya dana ini dapatlah nanti orang kitani itu membangun hartanah mereka dengan tersusun dan teratur dan dapat pula menjana ekonomi negara dengan sebaik-baiknya. Selama ini banyak sudah yang terlepas ke tangan orang lain.

Sehubungan dengan itu, kaola minta dapat sekiranya Kementerian Kewangan memberikan data hartanah orang kitani yang sudah terlepas kepada orang lain. Maksudnya berapa banyak pembinaan yang ada masa ini yang menggunakan *developers* itu untuk kitani mengatur strategi bagaimana masa hadapan kitani tidak mahu lagi orang kitani itu 2/4 ataupun 6/4, kalau boleh keseluruhan projek itu mereka yang punya dan menguntungkan bangsa kitani sesuai dengan slogan atau falsafah Melayu Unggul, Islam Unggul dan Sistem Beraja yang mantap.

Itu sahaja pandangan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga saranan daripada Yang Berhormat dan terima kasih atas keprihatinannya terhadap orang kitani Melayu ini supaya ia unggul. Kaola Yang Berhormat Pengerusi akan kongsiikan sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi barangkali maklum juga yang lama-lama ini maklum juga dulu-dulu, ada sebenarnya dana ini ditubuhkan di *BEDB* pada waktu itu, *Financial Institution* di Negara Brunei Darussalam belum berkembang.

Pada waktu itu, kitani mengadakan dana tersebut dan banyak orang melayu kitani membangun hartanah terutamanya membangun rumah pada ketika itu. Pada ketika itu, tidak ramai yang membangun kedai, hanya membangun rumah sewa. Pada ketika itu, oleh sebab kitani akan merdeka ada '*boom*' iaitu ekonomi kitani *booming*. Kerajaan menyewa rumah-rumah dengan sewa yang tinggi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ menolonglah orang-orang kitani itu dan dapatlah mereka itu melunaskan segala pembayaran hutang-piutang mereka itu. Tapi pada tahun 1990-an apabila ekonomi kitani mengalami penurunan banyaklah orang yang tidak dapat membayar hutang-piutangnya itu. Apabila tidak membayar hutang-piutang tersebut, kerajaan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan ihsan kerajaan, kitani *restructure* hutang-piutang itu. Pada tahun 1990-an *BEDB* itu dibubarkan dan *diabsorb* ke dalam Unit Perancang

Ekonomi menjadikannya sebagai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, tugas-tugas *EDB* kemajuan telah diambil alih tapi tugas-tugas bank pinjaman itu diambil alih oleh sebuah bank.

Pada waktu itu, kita menubuhkan Bank Pembangunan Brunei. Bank Pembangunan Brunei ini mempunyai objektif jua untuk menolong orang Melayu kitani untuk berniaga dan termasuk jualah untuk hartanah dan sebagainya. Apabila ditubuhkan Bank Pembangunan Brunei, cuma bertukar bidang tugas Bank Pembangunan itu menjadi *retail bank*. *Retail bank* seperti bank-bank biasa.

Akhir tahun 1990 an awal tahun 2000 ia digabungkan dengan Bank Islam Brunei maka jadilah pada waktu ini BIBD. Pada waktu ini, sebagaimana yang dinyatakan fokus kitani untuk memajukan orang-orang kitani ini dengan *SME Bank* supaya orang-orang *entrepreneur* akan dapat berkembang.

Apa yang kaola sampaikan ini, kita fokuskan sama ada menubuhkan dana tersebut. Apa yang penting ialah *commercial viability* projek itu. Ertinya projek-projek itu mesti ada *viability*nya. Sebab risikonya apabila tidak ada *commercial viability*nya, boleh jadi susah untuk membayar. Sama jua *BEDB* banyak yang hutang-piutang sampai sekarang belum berbayar. Risikonya kerajaan menanggung hutang-piutang itu.

Dalam pada itu juga kerajaan, pada waktu ini tidak akan *crowding out* ertinya

crowding out itu apa aktiviti-aktiviti biartah aktiviti diambil alih oleh swasta. Apa yang penting di sini kitani kapasiti kitani itu sebagai apabila kintani ingin menjadikan Melayu unggul. Melayu mesti kapasitinya ditingkatkan kemahirannya seperti *financial, managerial*, teknikal barulah duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang lain. Barulah kompetitif dengan kepakaran yang ada. Kalau sudah ada kepakaran itu pihak bank pun bersedia meminjamkannya dengan adanya *business plan* tersebut. Kalau sekiranya projek itu *commercial viability* memang tidak ada masalah. Cabaran kita, untuk memberi unggul orang Melayu kitani.

Ianya mesti dipenuhi dengan segala kepakaran itu supaya kitani sama-sama berdiri dengan orang lain. Mengapa kitani hendak melihat 60-40. Kalau kita unggul, dari segi kepakaran kita ada *financial capability* kitani ada dengan sendirinya kitani boleh menjadi *developer* sendiri. Masa ini pun banyak juga orang melayu Yang Berhormat Pengerusi menjadi *developer* dan initalah jua mesti ada kepakaran kitani dari segi *legal*, jangannya kitani banyak yang terlepas. Kalau kitani *legal capability* kitani itu ada, mungkin tidak akan terlepas.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyambut baik cadangan ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* tetapi terpaksa kitani kerajaan memikirkan dahulu. Tapi fokus kitani pada waktu ini, *SME Bank* ini untuk *develop* orang yang berniaga ini supaya mereka ini sekurang-kurangnya

menjadi peniaga yang *establish* dan bolehlah pada suatu masa akan datang *developer* di Brunei ini orang Melayu sama dengan orang lain mesti jua bertanding, *competition is good*. Tapi dalam perkara itu, mestilah kita fikirkan *commercial viability* projek itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga beberapa orang Yang Berhormat Menteri yang lain dan kita telah mengadakan perbincangan yang begitu rancak mengenai belanjawan Kementerian Kewangan.

Saya kira cukuplah perbincangan kita setakat itu dan sekarang tibalah masanya bagi kita untuk mengundi sama ada kita bersetuju dengan belanjawan Kementerian Kewangan ini atau sebaliknya jadi, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SD01A hingga SD09A Kementerian Kewangan dijadikan sebagai Jadual daripada undang-undang yang berkenaan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Yang tidak bersetuju sila angkat tangan, nampaknya semua ahli bersetuju.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A -

Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya nyatakan kita telah mendengar penjelasan-penjelasan yang begitu terperinci daripada pihak-pihak Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan terhadap soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan, maka saya kira persidangan ataupun mesyuarat Jawatankuasa ini sekarang eloklah kita tangguhkan dan kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada esok hari iaitu hari Khamis, 9 Mac 2017 pada pukul 9.00 pagi.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)